

PERKHIDMATAN PERDAGANGAN

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Surat Kredit dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya. Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank. Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan (jika ada) selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.</p>	Hong Leong Bank Bhd Perbankan Transaksi, Perbankan Perniagaan dan Korporat Produk: Surat Kredit (LC)
1. Apakah maklumat produk ini?	
<p>Surat Kredit (LC) juga dikenali sebagai Kredit Berdokumen dan merupakan jaminan yang tidak boleh dimansuhkan dan Bank Pengeluar mesti menghormati pengemukaan dokumen LC yang mematuhi terma dan syarat LC. LC boleh dikeluarkan secara Tampak (at Sight) atau Usans (Usance), bergantung pada arahan pembeli (Pemohon).</p> <p>LC pada asasnya adalah instrumen berdokumen yang dikeluarkan oleh bank untuk melunaskan transaksi perdagangan. Bank Pengeluar LC mengeluarkan surat aku janji atas permintaan dan arahan pembeli (Pemohon). Bank Pengeluar atau Bank Perak (jika ada) menjamin bayaran kepada penjual (Benefisiari) sekiranya dokumen yang dikemukakan mematuhi terma dan syarat LC. Bayaran dijamin berdasarkan pada dokumen dan tidak pada barang atau perkhidmatan yang dirujuk.</p> <p>Dokumen yang dikemukakan di bawah kredit berdokumen tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Customs and Practices for Documentary Credits (UCP) dan Uniform Rules for Bank-to-Bank Reimbursements under Documentary Credit (URR) serta International Chamber of Commerce Publication.</p>	
2. Apakah kelebihan produk ini?	
<ul style="list-style-type: none">a) Bayaran di bawah kemudahan LC hanya akan dilaksanakan apabila dokumen yang mematuhi terma dan syarat dikemukakan.b) Peluang untuk berunding dengan pembekal berkenaan tempoh kredit dan harga.c) Boleh mendapatkan pembiayaan import.d) Pihak bank boleh membantu untuk menjelaskan perkara yang berkaitan dengan kawalan pertukaran mata wang dan isu perdagangan, sekira ada, semasa LC dikeluarkan.	
3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?	
<ul style="list-style-type: none">a) Anda beraku janji untuk membayar apabila dokumen dikemukakan atau membayar semasa tarikh matang draf dan/atau apabila dokumen diterima atau dirunding menurut terma dan syarat Surat Kredit.b) Atas pertimbangan pihak Bank yang mengeluarkan LC, anda beraku janji untuk membayar semua wang yang dibayar oleh pihak Bank menurut LC bersama dengan faedah/keuntungan/komisen pada kadar yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa dan semua caj biasa dan caj Agen Bank, jika ada. Selain itu, anda membenarkan pihak Bank mendebitkan akaun anda di Bank dengan jumlah wang yang perlu dibayar atau jumlah wang yang ditanggung oleh Bank akibat daripada pengeluaran LC.c) Anda mengesahkan bahawa barang yang diimport adalah barang yang tidak dilarang atau disekat serta berjanji untuk mengemukakan lesen yang sah kepada pihak Bank jika lesen tersebut diperlukan.	

d) **Komisen Pengeluaran LC**

- 0.106% setiap bulan atau sebahagian daripadanya, dengan amaun minimum RM53.00

Komisen Pindaan LC

- Jika berkaitan dengan perlanjutan atau penambahan amaun LC, 0.106% sebulan atau sebahagian daripadanya dengan amaun minimum RM53.00
- Jika tidak berkaitan dengan perlanjutan atau penambahan amaun LC, kadar sama rata RM53.00 akan dikenakan.

4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Caj Perkhidmatan Pembatalan LC

- RM53.00 pada kadar sama rata

Kos SWIFT

- Pengeluaran LC - RM37.10 (Dalam Negeri) / RM84.80 (Luar Negara)
- Pindaan LC - RM21.20 (Dalam Negeri) / RM42.40 (Luar Negara)
- Pembatalan LC - RM31.80 (Dalam Negeri & Luar Negara)
- Pembayaran LC - RM31.80 (Dalam Negeri & Luar Negara)

Kos RENTAS

- Pelanggan SME - RM5.30
- Pelanggan Bukan SME - RM14.84 (Pihak pertama); RM15.90 (Bank ke Bank)

Kos Inter-Bank Giro (IBG)

- RM2.12 setiap IBG

Bayaran Pos

- RM5.30 pada kadar sama rata setiap pengeluaran LC

Perhatian:

- Yuran dan caj di atas termasuk 6% GST yang mana berkenaan.
- 6% GST tidak dikenakan pada bekalan Berkadar Sifar/Dikecualikan Cukai/Luar Skop.

5. Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran dan pembayaran LC?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Permohonan LC (pengeluaran/pindaan/pembatalan)	2pm
Pembayaran LC (RENTAS)	12pm
Pembayaran LC (Bukan RENTAS) <i>* (Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)</i>	2 pm *

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- a) Jika anda gagal memberikan arahan pembayaran berkenaan dengan dokumen yang mematuhi terma dan syarat yang dikemukakan di bawah LC dalam masa yang ditetapkan, pihak Bank akan membuat pembayaran (bayaran pendahuluan) kepada Bank Perunding/Bank Peraku.

- b) Kadar faedah yang dikenakan pada bayaran pendahuluan di bawah Surat Kredit adalah berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (“BLR”) berserta tebaran kredit [_% setahun)] atau kadar lain/amaun minimum yang ditentukan oleh pihak Bank bermula dari tarikh pembiayaan sehingga pembayaran dilaksanakan (maksimum 14 hari).
- c) Jika tiada pembayaran pada hari ke-14 dari tarikh bayaran pendahuluan oleh pihak Bank, bayaran pendahuluan tersebut akan dikelaskan sebagai bil lampau tempoh dan akan dikenakan caj BLR + kadar penalti sehingga tarikh pembayaran balik. **Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun.**
- d) Apabila LC ditukar status kepada lampau tempoh, kemudahannya dan kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta.
- e) Bank berhak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan atau tindakan undang-undang:
 - (i) **Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Aset anda boleh dirampas dan anda akan menanggung semua kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan yang tertanggung selepas aset anda dijual.**
 - (ii) Pihak Bank mempunyai hak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan (termasuk melantik agensi pungutan hutang pihak ketiga), rampasan harta dan prosiding bankrap.

Perhatian: Tindakan undang-undang ke atas anda akan menjaskan penilaian kredit peribadi yang menjurus kepada permohonan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan kadar segera mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman Web : www.hlb.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.org.my

Small Debt Resolution Committee (SDRC), ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (SME). Anda boleh menghubungi SDRC di:

SDRC Secretariat, Development Finance and Enterprise Department
Alamat : Bank Negara Malaysia (BNM), Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
Telefon : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,
Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Telefon : 1-800-188-133
E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my
Laman web : www.hlb.com.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK
Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.ofis.org.my

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 2777 1717 / 1715
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1 Mei 2017.

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil perkhidmatan Bil Masuk Untuk Pungutan dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.</p>	<p>Hong Leong Bank Bhd Perbankan Transaksi, Perbankan Perniagaan dan Korporat</p> <p>Produk: Bil Masuk untuk Pungutan (IBC)</p>
<p>1. Apakah maklumat produk ini?</p>	
<p>Bil Masuk Untuk Pungutan (IBC) adalah perkhidmatan perdagangan yang ditawarkan oleh Bank, yang bertindak sebagai Bank Pemungut/Bank Penyerah untuk pengendalian dan pemakluman kepada pelanggan (pembeli/ pesuruh bayar) setelah menerima dokumen perkапalan daripada pembekal (penyuruh bayar). Bank menyediakan perkhidmatan perantara bagi memudahkan penjelasan perdagangan mengikut terma yang telah dipersetujui antara pelanggan dengan pembekal.</p> <p>Pengendalian dokumen perkапalan oleh Bank Pemungut/Bank Penyerah adalah berdasarkan arahan yang diterima daripada Bank Pungutan untuk tujuan memperolehi bayaran atau penerimaan atau berdasarkan terma dan syarat tertentu yang lain mengikut arahan pungutan Bank Pungutan.</p> <p>Dokumen untuk pungutan ini tertakluk kepada peraturan terbaru Uniform Rules for Collections, International Chamber of Commerce Publication No. 522.</p>	
<p>2. Apakah kelebihan produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> a) Produk ini memberikan fleksibiliti yang lebih baik kerana pembayaran hanya dibuat selepas dokumen perkапalan dilepaskan kepada pelanggan atau penerimaan dibuat oleh pelanggan b) Kaedah bayaran ini lebih mudah dan murah berbanding dengan perkhidmatan perdagangan yang lain. 	
<p>3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> a) Anda perlu membayar atau menerima Bil Pertukaran sebelum dokumen dilepaskan oleh Bank. b) Anda perlu membayar pada tarikh matang Bil Pertukaran yang mana penerimaan telah dibuat awal. c) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank untuk bayaran komisen serta semua caj biasa dan caj Agen Bank, jika ada. Selain itu, anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan jumlah wang yang kena dibayar atau jumlah wang yang tertanggung oleh Bank di bawah perkhidmatan IBC. d) Komisen IBC untuk bil dalam Mata Wang Asing <ul style="list-style-type: none"> • 0.106% atas amaun bil, dengan amaun minimum RM53.00 dan maksimum RM159.00 <p>Komisen IBC untuk bil dalam RM</p> <ul style="list-style-type: none"> • 0.106% atas amaun bil, dengan amaun minimum RM53.00 dan maksimum RM530.00 	
<p>4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?</p>	
<p>Kos SWIFT</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM31.80 	

Kos RENTAS

- Pelanggan SME - RM5.30
- Pelanggan Bukan SME - RM14.84 (Pihak pertama); RM15.90 (Bank ke Bank)

Kos Inter-Bank Giro (IBG)

- RM2.12 setiap IBG

Bayaran Pos

- RM5.30 pada kadar sama rata

Perhatian:

- Yuran dan caj di atas termasuk 6% GST yang mana berkenaan.
- 6% GST tidak dikenakan pada bekalan Berkadar Sifar/Dikecualikan Cukai/Luar Skop.

5. Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran dan pembayaran IBC?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Pengeluaran IBC	2pm
Pembayaran IBC (RENTAS)	12pm
Pembayaran IBC (Bukan RENTAS) <i>* (Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)</i>	2 pm*

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

Jika dokumen tidak dipungut oleh anda, kami akan mengembalikannya kepada bank penyerah dalam masa 60 hari dari tarikh diterima atau menurut permintaan bank tersebut untuk mengembalikan dokumen mereka, yang mana terdahulu.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 2777 1717 / 1715
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1 Mei 2017.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil perkhidmatan Bil Keluar Untuk Pungutan dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya. Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.	Hong Leong Bank Bhd Perbankan Transaksi, Perbankan Perniagaan dan Korporat Produk: Bil Keluar untuk Pungutan (OBC)
1. Apakah maklumat produk ini?	
<p>Bil Keluar Untuk Pungutan (OBC) adalah perkhidmatan perdagangan yang ditawarkan oleh Bank (dipanggil Bank Pungutan) untuk menguruskan pengendalian dan penghantaran dokumen perkапalan jualan/eksport dan arahan pungutan kepada bank pemungut di negara pengimport/pembeli untuk dikemukakan kepada pembeli/pengimport (pesuruh bayar) untuk membuat pembayaran. Bank menyediakan perkhidmatan perantara bagi memudahkan penjelasan perdagangan mengikut terma yang telah dipersetujui antara pelanggan dengan pembeli/pengimport.</p> <p>Pengendalian dokumen perkапalan oleh Bank Pungutan adalah berdasarkan arahan pelanggan untuk tujuan memperoleh bayaran atau penerimaan atau berdasarkan terma dan syarat tertentu yang lain mengikut arahan pungutan Bank tersebut.</p> <p>Dokumen untuk pungutan ini tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Rules for Collections, International Chamber of Commerce Publication No. 522.</p>	
2. Apakah kelebihan produk ini?	
<ul style="list-style-type: none"> a) Ia adalah satu cara bayaran yang mana penjual/pengeksport menggunakan perkhidmatan bank untuk memperoleh bayaran daripada pembeli/pengimport. Ia membentuk satu tolak ansur antara terma "akaun terbuka" dan bayaran pendahuluan. Pihak Bank tidak menjamin pembayaran tetapi hanya menyediakan khidmat memungut bayaran seperti yang diarahkan. Bank pungutan bertindak sebagai agen untuk penjual/pengeksport (iaitu prinsipal). b) Kaedah bayaran ini lebih mudah dan menjimatkan kos berbanding dengan perkhidmatan perdagangan yang lain. 	
3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?	
<ul style="list-style-type: none"> a) Semasa menerima dokumen untuk pungutan, Bank hanya bertindak sebagai agen pungutan dan tidak berkewajipan untuk memeriksa dokumen tersebut yang melebihi tahap amalan berhati-hati. Oleh itu, anda perlu memberikan arahan yang jelas kepada pihak Bank mengenai urusan pengendalian dokumen. b) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan bayaran komisen serta semua caj biasa dan caj Agen Bank, jika ada. Selain itu, anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan jumlah wang yang kena dibayar atau jumlah wang yang tertanggung oleh Bank di bawah perkhidmatan OBC. c) Komisen OBC 0.106% atas amaun bil, dengan amaun minimum RM53.00 dan maksimum RM159.00 	
4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?	
Kos Penghantaran <ul style="list-style-type: none"> • Mengikut kadar syarikat penghantaran 	

Bayaran Pengendalian Dokumen

- RM53.00 pada kadar sama rata (berkenaan pada bil di bawah LC sahaja)

Bayaran Pos

- RM5.30 pada kadar sama rata

Perhatian:

- Yuran dan caj di atas termasuk 6% GST yang mana berkenaan.
- 6% GST tidak dikenakan pada bekalan Berkadar Sifar/Dikecualikan Cukai/Luar Skop.

5. Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran OBC?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Pengeluaran OBC	2pm
Pembayaran OBC (RENTAS)	12pm
Pembayaran OBC (Bukan RENTAS) <i>* (Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)</i>	2 pm*

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

Sekiranya tiada perjanjian dibuat dengan Bank untuk menampung OBC, apabila menerima dana daripada Bank Pemungut, pihak Bank berhak atas budi bicaranya untuk menukar amaun yang diterima dalam mata wang asing kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa Bank sebelum mengirimkannya kepada anda.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 2777 1717 / 1715
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1 Mei 2017.

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Jaminan Perkapalan/Pengendorsan Bil Jalan Udara/ Resit Pos Bungkusan/Bil Muatan dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.</p> <p>Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan (jika ada) selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.</p>	<p>Hong Leong Bank Bhd Perbankan Transaksi, Perbankan Perniagaan dan Korporat</p> <p>Produk: Jaminan Perkapalan (SG)/ Pengendorsan Bil Jalan Udara (“AWB”)/ Resit Pos Bungkusan (“PPR”)/ Bil Muatan (“BL”)</p>
--	--

1. Apakah maklumat produk ini?

JAMINAN PERKAPALAN (SG)

Jaminan Perkapalan (SG) adalah dokumen tanggung rugi yang dikeluarkan oleh Bank kepada syarikat perkapalan berkenaan atas arahan pelanggan (Pengimport) di mana pengimport diberi kebenaran untuk mengambil barang penghantaran daripada syarikat perkapalan atau agennya tanpa bil muatan yang asal.

Tanpa bil muatan yang asal, syarikat perkapalan akan melepaskan barang kepada pengimport atas jaminan yang diberikan oleh Bank, iaitu, SG. Bank berjanji membayar ganti rugi kepada syarikat perkapalan atau agennya ke atas semua akibat dan/atau liabiliti yang berkenaan dengan penghantaran barang niaga di bawah jaminan ini.

SG mempunyai tempoh sah tanpa had, iaitu ia tidak mempunyai tarikh luput dan amanun. Ianya sah sehingga bil muatan yang asal dikemukakan kepada syarikat perkapalan atau agennya untuk tujuan penebusan.

Pengendorsan Bil Jalan Udara (AWB)/ Resit Pos Bungkusan (PPR)/ Bil Muatan (BL) (Pengendorsan)

Pelanggan mungkin menerima satu (1) daripada tiga (3) Bil Muatan asal terus daripada penjual sebelum ketibaan dokumen asal di Bank. Dalam keadaan sedemikian, pengendorsan ke atas Bil Muatan akan dilakukan oleh Bank untuk mempercepatkan proses penghantaran barang kepada pelanggan.

Pengendorsan Bil Jalan Udara/ Resit Pos Bungkusan dilakukan untuk barang yang dihantar melalui pengangkutan udara atau pos bungkusan. Pelanggan mungkin menerima satu salinan Bil Jalan Udara atau Resit Pos Bungkusan sebelum ketibaan dokumen tersebut. Dalam keadaan sedemikian, pengendorsan atau pengesahan ke atas Bil Jalan Udara/Resit Pos Bungkusan akan dilakukan oleh Bank untuk membolehkan pelanggan mengambil barang tersebut.

2. Apakah kelebihan produk ini?

- a) Barang dapat diambil dengan lebih cepat terutamanya jika terdapat masalah kelewatan dalam ketibaan dokumen asal Bil Muatan/Bil Jalan Udara/Resit Pos Bungkusan.
- b) Caj pelabuhan dan caj denda lewat (iaitu, penyimpanan), dll. juga dapat dikurangkan.

3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?

- a) Anda hendaklah membayar komisen Bank pada kadar yang ditentukan oleh Bank untuk setiap pengeluaran jaminan perkapalan atau pengendorsan AWB/PPR/BL dari masa ke semasa dan bayaran hendaklah dibuat pada masa pengeluaran atau pengendorsannya.
- b) Sekiranya terdapat sebarang pembatalan atau pelepasan atau pengembalian awal jaminan perkapalan, pihak Bank tidak akan mengembalikan komisen yang telah dibayar.

- c) Walaupun pihak Bank mengendorskan Bil Muatan/ Bil Jalan Udara/ Resit Pos Bungkusan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kecukupan, ketetapan atau keaslian dokumen tersebut atau ketidakteraturan atau percanggahan dalam dokumen atau tidak mematuhi terma dan syarat Surat Kredit berkenaan dan anda hendaklah menghormati dokumen perkapalan tersebut.
- d) Anda hendaklah mengembalikan Surat Tangung Rugi Bil Muatan Tak Diserah (SG) kepada Bank untuk dibatalkan apabila Bank menerima Bil Muatan boleh niaga.
- e) **Pengeluaran/Pengendorsan SG**
0.106% pada kadar sama rata mengikut nilai invois dengan amaun minimum RM53.00

4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Kos Duti Setem

- Pengeluaran SG - RM20.00
- Pengendorsan - RM10.00

Bayaran Pos

- RM5.30 pada kadar sama rata

Perhatian:

- Yuran dan caj di atas termasuk 6% GST yang mana berkenaan.
- 6% GST tidak dikenakan pada bekalan Berkadar Sifar/Dikecualikan Cukai/Luar Skop.

5. Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran SG/pengendorsan AWB/PPR/BL?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Pengeluaran SG/Pengendorsan AWB/PPR/BL	2pm

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- a) Sekiranya bayaran pendahuluan dilakukan oleh pihak Bank untuk melaksanakan tuntutan oleh beneficiari atau penjual ke atas jaminan perkapalan yang dikeluarkan atau AWB/PPR/BL yang diendorskan, ia akan dikelaskan sebagai bil lampau tempoh dan akan dikenakan caj BLR + kadar penalti sehingga tarikh pembayaran balik. **Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun.**
- b) Apabila SG ditukar status kepada lampau tempoh, kemudahannya dan kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta.
- c) Bank berhak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan atau tindakan undang-undang:
- (i) **Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Aset anda boleh dirampas dan anda akan menanggung semua kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan yang tertanggung selepas aset anda dijual.**
 - (ii) Pihak Bank mempunyai hak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan (termasuk melantik agensi pungutan hutang pihak ketiga), rampasan harta dan prosiding bankrap.

Perhatian: Tindakan undang-undang ke atas anda akan menjelaskan penilaian kredit peribadi yang menjurus kepada permohonan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan kadar segera mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran balik . Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman web : www.hlb.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.org.my

Small Debt Resolution Committee (SDRC), ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (SME). Anda boleh menghubungi SDRC di:

SDRC Secretariat, Development Finance and Enterprise Department

Alamat : Bank Negara Malaysia (BNM), Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman web : www.bnm.gov.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman web : www.hlb.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman web : www.ofs.org.my

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 2777 1717 / 1715
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1 Mei 2017.

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Jaminan Bank dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.</p> <p>Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.</p>	<p>Hong Leong Bank Bhd Perbankan Transaksi, Perbankan Perniagaan dan Korporat</p> <p>Produk: JAMINAN BANK (BG)</p>
<p>1. Apakah maklumat produk ini?</p> <p>Jaminan Bank (BG) adalah dokumen di mana Bank bertindak sebagai penjamin yang mengaku janji untuk membayar sejumlah amaun yang dipersetujui sekiranya pelanggan gagal atau mungkir dalam memenuhi obligasinya di bawah terma dan syarat jaminan tersebut. Terdapat 2 jenis jaminan iaitu Kewangan dan Bukan Kewangan.</p> <p>Jaminan Kewangan boleh ditafsirkan sebagai jaminan yang dikeluarkan oleh Bank bagi pihak pelanggannya untuk pihak ketiga di mana Bank bersetuju untuk membayar pihak ketiga jika pelanggan gagal membayar amaun yang terhutang kepada pihak ketiga.</p> <p>Jaminan Bukan Kewangan secara umumnya diklasifikasikan sebagai jaminan bon prestasi. Jaminan ini dikeluarkan oleh Bank bagi pihak pelanggannya untuk pihak ketiga, di mana Bank bersetuju membayar ganti rugi kepada pihak ketiga sekiranya pelanggan gagal mematuhi terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam kontrak tertentu.</p> <p>BG pada amnya mempunyai tarikh luput dan tempoh tuntutan (Penjamin mesti menerima sebarang tuntutan BG dalam tempoh ini). Semua BG yang dikeluarkan mesti mempunyai amaun dan tempoh liabiliti, termasuk tempoh tuntutan yang dinyatakan secara khusus.</p>	
<p>2. Apakah kelebihan produk ini?</p>	
<p>a) BG adalah satu aku janji rasmi dan boleh dipercayai. Ia memberi sokongan kepada keperluan perniagaan.</p>	
<p>3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?</p>	
<p>a) Anda hendaklah membayar komisen Bank pada kadar yang ditentukan oleh Bank untuk setiap pengeluaran BG dan bayaran tersebut hendaklah dibuat pada masa pengeluarannya.</p> <p>b) Sekiranya terdapat sebarang pembatalan awal atau pelepasan atau pengembalian awal BG, pihak Bank tidak akan mengembalikan komisen yang telah dibayar.</p> <p>c) Sekiranya BG tiada tempoh tuntutan, anda bersetuju bahawa komisen yang akan dibayar adalah sepanjang tempoh jaminan termasuk tempoh dari tarikh luput sehingga tarikh jaminan dikembalikan untuk pembatalan. Sekiranya terdapat tempoh tuntutan dalam jaminan bank, komisen yang akan dibayar adalah sepanjang tempoh jaminan sehingga tarikh luput tempoh tuntutan.</p> <p>d) Obligasi anda di bawah kemudahan BG adalah untuk membayar amaun yang diminta oleh Bank dengan segera tanpa mengira sama ada Bank telah membuat sebarang pembayaran atau belum di bawah jaminan bank yang dikeluarkan di bawah Kemudahan BG.</p> <p>e) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan sebarang amaun yang diminta oleh Bank dan sebarang caj, faedah, kos atau perbelanjaan berhubung dengan bayaran yang dibuat oleh Bank di bawah BG yang dikeluarkan.</p>	

f) **Komisen BG**

Bermula dari 0.106% hingga 0.1855% sebulan atau sebahagian daripadanya atau mengikut kadar yang ditentukan dan/atau yang berubah dari masa ke semasa dalam Surat Tawaran dengan amaun minimum RM53.00

4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Bayaran Pos

- RM5.30 pada kadar sama rata

Kos Duti Setem

- RM10 untuk BG
- RM10 untuk Surat Ganti Rugi

Perhatian:

- Yuran dan caj di atas termasuk 6% GST yang mana berkenaan.*
- 6% GST tidak dikenakan pada bekalan Berkadar Sifar/Dikecualikan Cukai/Luar Skop.*

5. Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran BG?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Permohonan BG (pengeluaran tanpa disetemkan) <i>(pengeluaran, pindaan dan pembatalan)</i> Perhatian: Jika anda ingin sendiri melakukan proses setem, sila lakukannya dengan segera	*2 pm (untuk pemprosesan BG pada hari yang sama)
Permohonan BG (pengeluaran dengan setem) <i>(pengeluaran, pindaan dan pembatalan)</i>	*2pm (Pemprosesan BG mengambil masa 2 hari bekerja)

* Untuk format standard BG HLBB sahaja.

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Sekiranya bayaran pendahuluan dilakukan oleh pihak Bank untuk melaksanakan tuntutan ke atas BG, ia akan dikelaskan sebagai bil lampau tempoh dan akan dikenakan caj BLR + kadar penalti sehingga tarikh pembayaran balik. **Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun.**
- Apabila BG ditukar status kepada lampau tempoh, kemudahannya dan kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta.
- Bank berhak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan atau tindakan undang-undang:
 - Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Aset anda boleh dirampas dan anda akan menanggung semua kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan yang tertanggung selepas aset anda dijual.**
 - Pihak Bank mempunyai hak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan (termasuk melantik agensi pungutan hutang pihak ketiga), rampasan harta dan prosiding bankrap.

Perhatian: Tindakan undang-undang ke atas anda akan menjaskan penilaian peribadi kredit yang menjurus kepada permohonan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan kadar segera mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran balik . Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman web : www.hlb.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.org.my

Small Debt Resolution Committee (SDRC), ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (SME). Anda boleh menghubungi SDRC di:

SDRC Secretariat, Development Finance and Enterprise Department

Alamat : Bank Negara Malaysia (BNM), Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman web : www.bnm.gov.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman web : www.hlb.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman web : www.ofs.org.my

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 2777 1717 / 1715
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1 Mei 2017.

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Penerimaan Jurubank dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.</p> <p>Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan (jika ada) selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.</p>	<p>Hong Leong Bank Bhd Perbankan Transaksi, Perbankan Perniagaan dan Korporat</p> <p>Produk: Penerimaan Jurubank (BA)</p>
1. Apakah maklumat produk ini?	
